



RAC JALINKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN DB ENGINEERING & CONSULTING GMBH BAGI PERKUKUH EKOSISTEM REL NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 September 2025 – Malaysia bakal menyaksikan lonjakan baharu dalam pembangunan rel negara dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara **Perbadanan Aset Keretapi (RAC)** dan **DB Engineering & Consulting GmbH (DB E&C)**, anak syarikat Deutsche Bahn Group Jerman yang terkenal sebagai antara pengendali rel terbesar dunia.

Majlis menandatangani memorandum pada hari ini menyaksikan RAC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Azhar Ahmad bersama Ketua Pegawai Operasi Rel, Encik Ramesh Balakrishnan. DB E&C pula diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Encik Stefan Geisperger dan Pengarah Eksekutif Asia Pasifik, Encik Milind Nirmal. Majlis menandatangani ini turut disaksikan oleh Ahli Lembaga Pengarah RAC, YBrs. Tuan Ong Keng Siew dan Ketua Bahagian Pengurusan Tender dan Penyampaian (Asia Pasifik) DB E&C, Encik Nilanjan Sen Gupta.

MoU ini yang akan berkuat kuasa selama lima (5) tahun, akan menjadi asas kepada pelaksanaan projek khusus melalui perjanjian perkhidmatan yang lebih terperinci pada masa hadapan.

Kerjasama ini memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama yang dijangka memberi kesan positif kepada pembangunan rel negara antaranya:

- **Model Perniagaan Kargo Rel Mampan** – Kedua-dua agensi akan bekerjasama dalam membangunkan model perniagaan kargo rel yang berdaya saing dengan fokus kepada pengoptimuman kecekapan operasi, pengurangan kos serta peningkatan kebolehpercayaan perkhidmatan. Melalui perkongsian ini, RAC berpeluang memperoleh ilmu dan pendedahan mengenai strategi pengurusan kos operasi, teknik meningkatkan kecekapan rangkaian serta pendekatan

UNTUK SIARAN SEGERA

pemantauan kebolehpercayaan perkhidmatan berpandukan amalan terbaik antarabangsa.

- **Pembangunan Hab Kargo & Terminal Multimodal** – Usaha sama dalam merancang pembangunan hab kargo moden di lokasi strategik bagi mengintegrasikan pelbagai mod pengangkutan termasuk rel, jalan raya dan laut. RAC berpeluang memanfaatkan kepakaran DB E&C dalam perancangan terminal bersepadu, penggunaan teknologi digital untuk mengurus aliran kargo serta integrasi logistik antarabangsa dan “*last mile connectivity*” yang akan menjadikan hab kargo Malaysia lebih kompetitif di peringkat serantau.
- **Pemindahan Teknologi & Sokongan Kejuruteraan** – DB E&C akan berkongsi pengetahuan teknikal dan pengalaman luas sebagai rakan strategik antarabangsa melalui pemindahan teknologi serta sokongan kejuruteraan/perundingan kepada RAC. Inisiatif ini akan memperkukuh kapasiti tempatan dalam pengurusan kargo rel, pembangunan infrastruktur logistik yang mampan, penambahbaikan keupayaan RAC dalam pengurusan aset serta pelaksanaan projek rel di Malaysia.

Manfaat Kepada Industri & Rakyat

Kerjasama ini bukan sahaja memberi impak kepada RAC dan sektor rel malah turut menjanjikan manfaat langsung kepada rakyat dan ekonomi negara antaranya:

- **Pengguna akan menikmati perkhidmatan kargo dan rel yang lebih efisien serta konsisten** sekali gus membantu mengurangkan kos logistik dan seterusnya memberi kesan positif kepada harga barangan.
- **Meningkatkan penggunaan rel sebagai mod pengangkutan utama** bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan pelepasan karbon sejajar dengan agenda kelestarian negara.
- **Menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan** dengan pembangunan hab kargo moden yang bakal mewujudkan peluang pekerjaan, membuka ruang perniagaan baharu serta memperkukuh daya saing perdagangan Malaysia di rantau ini.

UNTUK SIARAN SEGERA

Kerjasama ini dijangka memberi impak positif kepada pembangunan infrastruktur rel negara serta menyokong pertumbuhan ekonomi melalui sistem pengangkutan yang moden, efisien dan mampan.

PERBADANAN ASET KERETAPI

23 SEPTEMBER 2025

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222